

Utusan Malaysia - 31/5/15

Program 2U2I perlu diteruskan

KUALA LUMPUR 30 Mei - Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) berharap program Dua Universiti + Dua Industri (2U2I) yang bermula September ini, tidak terhenti begitu sahaja, sebaliknya perlu dikekalkan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan di negara ini.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Shamsuddin Bardan berkata, selain menyifatkan program tersebut dapat melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran dan industri, ia juga mampu mengatasi isu pengangguran dalam kalangan golongan tersebut.

Katanya, program yang dilihat sangat relevan pada masa ini juga memberi peluang kepada industri untuk menyalurkan input bagi melatih dan menambah baik kualiti graduan untuk dibekalkan kepada mereka kelak.

"2U2I merupakan program yang efektif kerana mempunyai komitmen bersama antara universiti dengan industri sebagai persediaan

dan kemahiran graduan sebelum ke alam pekerjaan agar dapat mengatasi isu kurang pengalaman bekerja.

"Malah, saya berpendapat jika program itu dilaksanakan dengan teliti dan mendalam, graduan yang dilatih itu mampu memenuhi pasaran khusus (niche market) dalam sesuatu bidang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sebanyak lima universiti awam dipilih bagi merintis program 2U2I yang bakal menawarkan program pengajian peringkat ijazah sarjana muda bermula pengambilan September ini.

Lima universiti berkenaan ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Teknologi Ma-



SHAMSUDDIN BARDAN

laysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Menurut beliau, langkah itu bagi membolehkan pelajar mengikuti program belajar sambil bekerja dan mereka dikehendaki menempuh pengajian selama dua tahun di universiti dan dua tahun meminta pengalaman dalam industri.

Dalam pada itu, Shamsuddin turut berharap dengan kerjasama tersebut, pihak universiti akan mengenal pasti permintaan industri yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Beliau turut menggalakkan pelbagai industri dan syarikat untuk tampil mengambil peluang itu serta menjalankan kerjasama dengan universiti untuk menjayakan program tersebut.